

17 JUN, 2025

## ASEAN setuju bangun kabel dasar laut

Utusan Malaysia, Malaysia



WAKIL 10 buah negara di rantau ini yang menghadiri Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Tenaga (SOME Ke-43) di Kuching, semalam.

# ASEAN setuju bangun kabel dasar laut

**KUCHING:** Memorandum Persefahaman (MoU) Grid Tenaga ASEAN (APG) dan rujukan syarat-syarat rangka kerja pembangunan kabel tenaga dasar laut adalah antara tumpuan perbincangan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Ke-43 Mengenai Tenaga (SOME) di sini.

Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Datuk Mad Zaidi Mohd. Karli berkata, perkara itu menjadi perbincangan yang sangat baik dengan komitmen yang kuat ke arah mencapai *output* yang diinginkan serta hasil seperti yang ditetapkan dalam Hasil Utama Ekonomi Berkeutamaan dan Keutamaan Tahunan Malaysia.

“Usaha kerjasama kita pastinya akan membuka jalan kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Mengenai Tenaga (AMEM) ASEAN Ke-43 yang akan diadakan di

Kuala Lumpur,” katanya dalam ucapan pembukaan SOME yang berlangsung tiga hari bermula semalam di sini.

Selain itu katanya, SOME akan turut membincang dan menyampaikan hasil berasaskan konsensus termasuk pelan kerja Pelan Tindakan ASEAN untuk Kerjasama Tenaga (APAEC) yang dikemas kini.

Ia termasuk cadangan dasar mengenai keselamatan tenaga serantau, pembiayaan tenaga boleh diperbaharui dan penyepaduan grid, memuktamadkan draf dokumen dasar APAEC dan mendapatkan pengesahan Perjanjian Keselamatan Petroleum ASEAN (APSA).

Bidang keutamaan untuk perbincangan SOME tahun ini termasuk Grid Tenaga ASEAN, inisiatif ke arah mencapai sasaran APAEC dan pembiayaan peralihan tenaga.

Dianjurkan oleh PETRA se-

laras dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, SOME menghimpunkan kesemua 10 negara anggota ASEAN iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam bersama Timor Leste sebagai pemerhati.

Dijangkakan hampir 250 delegasi akan hadir termasuk pegawai kanan tenaga, wakil dari Sekretariat ASEAN, Pusat Tenaga ASEAN (ACE) dan Rakan Dialog (antara negara ialah China, Korea, Jepun, Rusia dan Amerika Syarikat).

Selain itu, ia turut dihadiri wakil daripada organisasi antarabangsa seperti Agensi Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (IRENA), Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bank Dunia.